



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat DYMM Sultan Perak dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan sahaja untuk memenuhi jawatan berikut:

1. (a) Jawatan : **JURUTEKNIK KOMPUTER FT1**
(Kekosongan Jawatan : 1)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Tanjong Malim
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat (FT1)
- (e) Jadual Gaji : Minimum RM 1,500.00 – Maksimum RM 4,680.00
- (f) Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) **Warganegara Malaysia**
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
 - (c) (i) **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1 : RM 1,500.00); atau
 - (ii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1 : RM1,561.00); atau
 - (iii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1 : RM 1622.00); atau
- (g) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(h) Taraf Jawatan : KONTRAK

(i) Cara memohon:

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/perjawatan/>
- ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan akan ditolak.
- iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:-

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59,
35900 TANJONG MALIM

TARIKH IKLAN : 14 MAC 2025 (JUMAAT)
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 MAC 2025 (KHAMIS)

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.